

# Dah tak sayang nyawa

Metro 11/5/12 MS 4

## Segelintir penduduk di Pantai Dalam tidak pakai topi keledar ketika menunggang motosikal

>>Oleh Michelle Gun  
michellegun@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Nya-  
wa bagaikan tiada nilai.  
Itulah ungkapan sesuai  
bagi segelintir pendu-  
duk di Pantai Dalam, dekat  
sini, yang tidak mematuhi  
arahan pemakaian topi ke-  
ledar walaupun mengetahui  
ia menyalahi undang-  
undang dan membahayakan  
keselamatan.

Sikap penunggang moto-  
sikal berkenaan menunjuk-  
kan tahap kesedaran mence-  
nai keselamatan jalan raya  
masih rendah meskipun pel-  
bagai usaha dilakukan pihak  
berkuasa.

Tinjauan Metroplus di ka-  
wasan terbabit mendapati rama-  
rai penunggang motosikal  
tidak menggunakan topi ke-  
ledar ketika di jalan raya atas  
alasan tempat ditujui ber-  
hampiran dengan kediaman  
mereka.

Malah, masalah itu mem-  
babitkan golongan remaja  
termasuk ibu membawa  
anak kecil yang dilihat mel-  
alui jalan raya yang sesak  
dengan kenderaan ketika

waktu kemuncak se-  
olah-olah perbuatan mereka  
itu tidak mengundang ba-  
haya.

Selain itu, tinjauan juga  
mendapati ada di kalangan  
mereka cukup berani dengan  
selamba merentasi lebuhraya  
ke kawasan penempatan  
bersebelahan tanpa menggu-  
nakan topi keledar.

Pengarah Jabatan Kesela-  
matan Jalan Raya (JKJR)  
Kuala Lumpur, Muhammad  
Heeza Hassan berkata, ma-  
salah penunggang motosikal  
tidak mematuhi pemakaian  
topi keledar di Pantai Dalam  
bukan perkara baru.

"Selain Pantai Dalam, ter-  
dapat beberapa kawasan di  
sekitar Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur yang dikenal  
pasti penduduknya tidak  
memakai topi keledar ketika  
menunggang motosikal ter-  
masuk di Jalan Klang Lama  
dan Kampung Meru," ka-  
tanya.

Beliau berkata, JKJR kerap  
menerima aduan orang rama-  
rai berhubung masalah itu  
di tiga kawasan berkenaan  
dan mereka didapati hanya  
memakai topi keledar ketika



**TAK HIRAU KESELAMATAN...**penunggang motosikal melalui jalan sibuk tanpa memakai topi keledar

pihak berkuasa melakukan  
operasi.

"Masalah ini didapati ba-  
nyak berlaku di kawasan pe-  
rumahan dan JKJR melaku-  
kan program bersama ketua  
kampung serta penduduk

menerangkan mengenai ke-  
selamatan jalan raya," ka-  
tanya.

Katanya, penganjuran  
program itu diperhebatkan  
lagi pada tahun ini dan ber-  
harap ia boleh meningkatkan

kesedaran keselamatan jalan  
raya terutama pemakaian to-  
pi keledar di kalangan ma-  
syarakat.

"Sehubungan itu, polis dan  
anggota Jabatan Pengangkutan  
Jalan (JPJ) boleh me-

nyaman penunggang moto-  
sikal yang tidak mematuhi  
pemakaian topi keledar ke-  
tika di jalan raya walaupun  
mereka hanya mahu ke ka-  
wasan berhampiran," kata-  
nya.